

24 JUL 1996

10,000 KAD UCAPAN TERIMA KASIH UNTUK PM DITERIMA

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Papan iklan ucapan berukuran 6 x 20 meter adalah antara lebih 10,000 kad ucapan terima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena genapnya 15 tahun beliau menjadi Perdana Menteri.

"Terima Kasih Kerana Mendarjatkan Bangsa Malaysia" itulah ucapan pada papan iklan daripada Seni Jaya Corporation Bhd yang diterima oleh Urusetia Ucapan Terima Kasih Kepada Perdana Menteri di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Papan iklan itu akan diserahkan kepada menteri berkenaan Datin Paduka jurucakap urusetia itu, Nidzam Johan kepada pemberita di sini hari ini.

Nidzam berkata, lebih 10,000 kad ucapan berbentuk surat, faksimili dan telegram diterima daripada individu, pertubuhan dan persatuan seperti syarikat, kedutaan dan institusi pengajian tinggi (IPT).

Ucapan disampaikan dalam bentuk sajak, puisi, luahan rasa hati dan sebagainya serta surat yang bertulis tangan termasuklah daripada kanak-kanak berumur antara lima hingga 12 tahun, katanya.

"Kad ucapan dari luar negara juga banyak kami terima terutamanya daripada pelajar," katanya.

Urusetia itu akan membuka cawangan di Tingkat 36 Menara Lion bagi menerima ucapan yang dikirim melalui mesin faksimili. Sebanyak enam mesin faksimili akan ditempatkan di situ dan nombornya akan dimaklumkan pada tarikh penyerahan papan iklan nanti.

Tarikh akhir kiriman ucapan kepada urusetia itu ialah 31 Ogos.--BERNAMA
SAA OBA